

17 FEB 1998

Konvensyen

DR MAHATHIR RASMI KONVENSYEN BN SABAH JUMAAT INI

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Lebih 2,000 wakil daripada sembilan anggota komponen Barisan Nasional (BN) negeri dijangka menghadiri konvensyen Barisan Nasional Sabah Jumaat ini.

Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan konvensyen bertujuan antara lain meningkatkan penghayatan anggota terhadap konsep BN itu, kata Pengerusi Penganjur Mohd Shah Salleh hari ini.

Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat dijangka membentangkan satu kertas kerja pada konvensyen kedua BN Sabah itu. Konvensyen pertama diadakan pada Nov 1996 yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Wakil-wakil daripada sembilan komponen BN Sabah -- Umno, Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP), Akar Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), MCA, Parti Liberal Demokratik (LDP), Gerakan dan MIC -- akan turut diberi 10 minit setiap orang untuk mengemukakan pandangan pada konvensyen itu, katanya dalam kenyataannya di sini.

"Konvensyen berkenaan akan dihadiri setiausaha politik, pemimpin kemajuan rakyat, ketua anak negeri, anggota badan perhubungan parti serta anggota majlis tertinggi serta pemimpin peringkat bahagian parti komponen BN Sabah," kata Mohd Shah.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee kemudian akan membuat penggulungan pada akhir konvensyen sehari itu.

Selain perasmian konvensyen berkenaan, Dr Mahathir yang dijadual tiba di Sabah pada Khamis untuk lawatan dua hari, akan turut mempunyai aturcara yang sibuk sepanjang lawatan berkenaan.

Sebaik tiba, Dr Mahathir dijadualkan merasmikan Institut Kemajuan Ekonomi Anak Negeri (Sabah) (INDEP), sebuah badan pemikir bagi kemajuan ekonomi di kalangan penduduk anak negeri di Sabah.

Perdana Menteri kemudian dijadual menghadiri taklimat tertutup di Nexus Golf Resort di Karambunai dekat sini sebelum terbang ke Kudat, kira-kira 200km ke utara Sabah untuk merasmikan majlis pecah tanah Nusantara Steel Corporation Sdn Bhd.

Beliau kemudian akan menghadiri sambutan perayaan berkembar di Pusat Perdagangan Sabah di sini pada sebelah malam dan dijangka kembali ke Kuala Lumpur pada petang hari keesokannya. -- BERNAMA

JS NMO